



## Modal budaya dan kesannya ke atas kebergantungan kerja komuniti nelayan di Malaysia: Kajian kes nelayan Kuala Terengganu

W. A. Amir Zal<sup>1</sup>

<sup>1</sup>School of Social and Economic Development, Universiti Malaysia Terengganu

\*Correspondence: WA Amir Zal (email: waamirzal@umt.edu.my)

### Abstrak

Tidak banyak elemen modal budaya dibincangkan dan diselidiki dalam memerhati realiti nelayan. Sedangkan modal budaya yang merangkumi elemen nilai, norma dan sikap merupakan perkara penting untuk diselidiki bagi memahami tindak balas mereka pada keadaan tertentu. Sedar dengan kelemahan tersebut, makalah ini meneroka elemen modal budaya dalam kalangan nelayan yang merangkumi aspek penggunaan masa lapang, nilai, budaya kerja dan kebergantungan pada aktiviti nelayan. Bagi meneroka perkara tersebut, kajian telah dilaksanakan ke atas 100 nelayan di Kuala Terengganu Utara dengan menggunakan borang soal selidik. Hasil kajian menunjukkan tidak banyak elemen pembinaan kapasiti yang diperhatikan melalui penggunaan masa lapang. Responden mempunyai empat jenis nilai, iaitu nilai hedonisme, fitrah, pragmatik dan autoritarian. Berkaitan dengan kebergantungan pada kerja nelayan pula, lima kategori pergantungan dapat diperhatikan, iaitu pendapatan, sosial, identiti, penghargaan dan modal insan. Hasil kajian ini juga menunjukkan budaya kerja nelayan adalah positif, dari sudut kesungguhan atau komitmen. Budaya kerja nelayan lebih dipengaruhi oleh nilai autoritarian, manakala kebergantungan didorong oleh nilai pragmatik. Kajian ini membuktikan elemen modal budaya adalah penting dalam kelangsungan hidup nelayan. Namun, untuk kelangsungan jangka panjang dan persediaan untuk bersaing, mereka perlu dibiasakan dengan aktiviti pembinaan kapasiti.

**Katakunci:** budaya kerja, kebergantungan, komuniti nelayan, modal budaya, nilai kerja, penggunaan masa lapang

## Cultural capital and its dependency impact on fishermen's work in Malaysia: A case study of Kuala Terengganu's fishing community

### Abstract

Cultural capital which includes values, norms and attitudes is crucial in understanding a fishing community's particular responses to positions and situations pertaining to their work. Given that many elements of the Malaysian fishing community's cultural capital are relatively neglected this study examined the cultural capital factors that influenced the work of a Kuala Terengganu's fishing community, namely, the use of leisure time, fishermen's cultural values, and the impact of those values on their work activities. Primary data were gathered from a questionnaire-based field study of 100 fishermen in northern Kuala Terengganu. The results showed four types of values influencing the fishermen's use of leisure time, namely, hedonism, *fitrah* (naturalism), pragmatism and authoritarianism. With regard to the impact of these factors on the work ethic of the fishermen five categories of dependency areas were observed, namely, income, social stature, identity, appreciation and human capital. Overall, the fishermen demonstrated a positive work culture driven by a sense of commitment, a sense of authority and pragmatism. Their capacity building actions were geared to long term survival, preparedness and competitiveness.

**Keywords:** cultural capital, fishing community, leisure time utility, value dependency, work culture, work value

## Pengenalan

Nelayan merupakan salah sebuah komuniti minoriti yang wujud di Malaysia, meskipun mereka komuniti minoriti, mereka mempunyai peranan yang signifikan dalam ekonomi negara. Mereka menjadi penyumbang utama kepada sumber laut untuk masyarakat, dan menjana pendapatan yang besar sama ada dalam bentuk ekonomi mikro atau makro. Sumbangan mereka ke atas ekonomi tidak dapat disangkal. Begitu juga ke atas masyarakat umum yang mana bergantung pada nelayan untuk mendapatkan sumber protein berasaskan sumber laut (Hayrol Azril et al., 2011). Dalam disiplin pembangunan komuniti, komuniti dipercayai mempunyai potensi yang boleh digunakan untuk pembangunan, sama ada yang memberi kesan ke atas komuniti yang khusus, atau memberi kesan ke atas masyarakat umum (Amir Zal et al., 2014).

Potensi yang diperhatikan dalam disiplin pembangunan komuniti merujuk kepada modal komuniti yang mana menurut Emery dan Flora (2006) terdapat enam modal komuniti, iaitu modal semula jadi, insan, budaya, politik, kewangan dan binaan. Manakala Fey et al. (2006) pula, menyenaraikan enam kategori modal, iaitu modal sosial, insan, kewangan atau binaan, semula jadi, politik dan budaya. Secara ringkasnya, modal insan merujuk kepada pengetahuan atau kemahiran yang dimiliki oleh individu, modal sosial adalah perhubungan antara manusia, modal ekonomi pula potensi yang boleh digunakan yang mempunyai nilai ekonomi, modal fizikal pula binaan-binaan yang boleh dimanfaatkan untuk kebaikan komuniti, dan modal alam sekitar pula ialah potensi yang berbentuk sumber semula jadi. Manakala modal budaya merujuk kepada elemen kebudayaan dalam bentuk adat resam, nilai, norma dan budaya yang sedia ada dalam sesebuah komuniti.

Kebanyakan modal-modal tersebut kerap dibincangkan oleh para sarjana mutakhir ini, namun modal budaya tidak banyak diperbincangkan. Makalah ini lebih menumpukan kepada modal budaya dalam komuniti. Ini kerana, modal budaya jarang dibincangkan oleh para penyelidik mutakhir ini, sedangkan modal budaya merupakan elemen yang penting dalam usaha pembangunan sesebuah komuniti yang merangkumi sikap, nilai, norma dan budaya.

Secara khususnya, modal budaya pernah dibincangkan oleh Bourdieu (1986) yang mana turut dibincangkan dengan istilah "habitus". Menurut Bourdieu (1986), modal budaya merujuk kepada sesuatu dalam bentuk yang konkrit termasuklah dalam bentuk seni, sastera, monumen dan sebagainya. Bourdieu yang mengkategorikan modal budaya kepada tiga bentuk, iaitu *embodied state*, *objectified state* dan *institutionalized state*. Bagi Johnson (2009) pula, modal budaya sebagai aset dalam aktiviti ekonomi yang berasaskan elemen kebudayaan, sama ada yang merangkumi warisan budaya, monumen dan sebagainya yang boleh dimanfaatkan untuk ekonomi sesebuah kawasan termasuklah untuk aktiviti pelancongan.

Kesamaan yang jelas antara kedua-dua pandangan tersebut ialah mengaitkan modal budaya sebagai aset untuk dimanfaatkan dalam aktiviti ekonomi. Juga, menghuraikan modal budaya dalam bentuk 'kebudayaan' seperti amalan kebudayaan sesebuah komuniti dan manifestasi budaya. Sedangkan, elemen budaya adalah merentasi kedua-dua elemen tersebut. Sama ada dalam konteks sosiologi atau antropologi, pengenalan 'budaya' sebagai manifestasi amalan hidup sesebuah komuniti ditafsirkan dengan lebih mendalam. Ia tidak hanya melibatkan elemen kebudayaan dalam bentuk adat resam sahaja, sebaliknya merangkumi nilai dan norma yang mana sifatnya lebih realistik dan kompleks.

## Permasalahan nelayan dan budaya

Dalam disiplin pembangunan komuniti, modal budaya diperhalusi dengan lebih mendalam yang mana mengambil kira tafsiran sosiologi dan antropologi. Tafsirannya merangkumi nilai dan norma sesebuah komuniti, sikap dan pertimbangan sama ada oleh individu atau komuniti berkaitan dengan kehidupan mereka. Realiti ini pernah mendapat perhatian oleh Syed Hussein Alatas (2009) yang membahaskan istilah 'malas' yang dikenakan ke atas masyarakat peribumi. Beliau memerhati dan menghuraikan elemen tersebut, dari kerangka 'modal budaya' secara tidak langsung yang mana merangkumi aspek cara hidup,

nilai, norma dan sikap sesebuah masyarakat. Penulisan beliau berjaya memberi tafsiran yang mendalam mengenai budaya masyarakat dan kaitan dengan stereotaip negatif yang dikenakan ke atas mereka.

Kajian lain sebelum ini tidak banyak memberi tumpuan kepada modal budaya, sebaliknya banyak memberi tumpuan kepada isu kemiskinan, usaha perubahan nelayan khususnya dari aspek ekonomi dan teknologi dan sebagainya. Sedangkan jika menurut hasil kajian Andersen dan Jæger (2015), modal budaya memainkan peranan penting yang memberi impak secara langsung kepada sesebuah kelompok masyarakat. Møllegaard dan Jæger (2015) menghuraikan makna modal budaya yang merangkumi nilai yang dipegang dan diterjemahkan dalam bentuk gaya hidup. Huraian tersebut sesuai untuk digunakan dalam memerhatikan kelompok nelayan yang kerap dikenakan stereotaip tertentu. Antara stereotaipnya ialah nelayan tidak menggunakan masa yang efisien termasuklah dalam pekerjaan atau masa lapang, dan kesungguhan pada kerja. Namun, definisi budaya adalah tidak lengkap sekiranya tidak diperhatikan elemen yang tidak dapat dilihat dalam masyarakat, namun ia penting, iaitu nilai.

Nilai merupakan perkara yang penting untuk diperhatikan kerana ia melibatkan secara langsung cara seseorang mentafsir persekitaran mereka dan membentuk tindakan tertentu. Menurut Wan Hashim dan Ismail Hamid (1998), nilai merupakan konsep budaya yang wujud dalam pemikiran manusia dan tidak pada sesuatu benda. Nilai ditakrifkan sebagai sesuatu yang mempunyai faedah dan kepentingan yang dikongsi bersama oleh sesuatu kelompok manusia, sesuatu yang disukai dan diutamakan yang berkait dengan hubungan sosial antara ahli dalam sesebuah masyarakat.

Ini termasuklah nilai pada kerja, budaya kerja dan kebergantungan pada aktiviti nelayan. Realiti yang berasaskan nilai mempunyai nilai signifikan untuk dikaji kerana perubahan nilai memberi impak secara langsung ke atas pendapatan nelayan. Ia pernah mendapat perhatian Busilacchia et al. (2013) yang mendapati penggunaan dan pendapatan berasaskan sumber laut adalah berbeza antara nelayan yang bergantung pada perubahan aktiviti nelayan tradisional ke atas nilai yang lain.

Dimensi tersebut adalah penting untuk diperhatikan dalam menghuraikan banyak masalah yang dihadapi oleh nelayan. Misalnya masalah kemiskinan yang mana menurut Mohammad Raduan Mohd. Ariff dan Amaluddin Bakeri (2002), kemiskinan melibatkan banyak faktor seperti kekurangan modal, kemunduran teknologi, kelemahan sistem pemasaran dan taraf pendidikan nelayan yang rendah. Berkaitan dengan pendidikan, Petersen (2007) turut mendapati perkara yang sama, iaitu lemahnya pendidikan dan kemahiran tertentu menjadi faktor yang menyebabkan nelayan terpinggir dan dilihat sebagai bermasalah. Berasa penting atau mengambil berat pada elemen pendidikan atau perubahan adalah bergantung pada nilai sesebuah komuniti.

Rogers (1969) pernah menghuraikan realiti penerimaan sesebuah inovasi dalam masyarakat petani. Beliau menekankan, berasa penting atau mengambil berat ke atas sesuatu adalah bergantung pada nilai yang dipegang oleh mereka. Perkara ini juga disedari oleh Mazur dan Curtis (2008), iaitu penerimaan kepada industri baharu termasuklah usaha untuk meningkatkan pendapatan masyarakat melalui program akuakultur adalah berkait langsung dengan pegangan nilai mereka.

Elemen yang berkaitan dengan nilai secara tidak langsung turut pernah mendapat perhatian oleh Hayrol Azril et al. (2013) yang mendapati nelayan mempunyai tahap adaptasi yang tinggi pada teknologi dan perubahan, namun tetap berkaitan dengan sikap dan kepercayaan. Perkongsian Hayrol Azril et al. (2013) menunjukkan elemen nilai adalah penting kepada komuniti nelayan. Malah, tanpa pemerhatian ke atas elemen nilai sukar untuk memahami faktor nelayan masih kekal dalam pekerjaan nelayan. Seperti dinyatakan oleh Mohammad Raduan Mohd. Ariff dan Amaluddin Bakeri (2002) yang menunjukkan, meskipun mempunyai pelbagai kesukaran, seperti keuntungan yang kecil dan terpaksa berhadapan dengan cuaca yang mencabar, nelayan tetap meneruskan pekerjaan sebagai nelayan. Justeru, adalah tepat untuk memahami nelayan dengan cara memerhatikan modal budaya mereka. Dalam makalah ini, modal budaya diperhatikan dari aspek penggunaan masa lapang, nilai pada kerja nelayan, budaya kerja dan kesungguhan; dan kebergantungan pada aktiviti nelayan.

## Metodologi kajian

Kajian ini dilaksanakan ke atas seratus orang nelayan di Kuala Terengganu Utara, iaitu di kampung Mengabang Telipot dan Seberang Takir, Kuala Terengganu. Mereka dipilih dengan menggunakan pensampelan mudah, iaitu responden dipilih dalam kalangan nelayan pesisir yang menerima subsidi petrol dari kerajaan. Dua teknik telah digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan responden, iaitu dengan mendapat bantuan dari Persatuan Nelayan di Kuala Terengganu Utara dan mengunjungi rumah atau pangkalan nelayan.

Responden yang diperoleh dari bantuan Persatuan Nelayan tidak mempunyai bias kerana, Persatuan Nelayan hanya bertindak dengan memaklumkan kepada nelayan bahawa penyelidik memerlukan responden untuk kajian ini dan tidak bertindak memilih atau menapis mana-mana nelayan untuk terlibat dengan kajian ini. Manakala teknik kedua, iaitu mendapatkan responden dengan mengunjungi rumah ke rumah atau mengunjungi pangkalan nelayan, aktiviti tersebut dilakukan dengan mendapatkan bantuan pembanci yang terlatih.

Data dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik, dan kemudiannya data dianalisis dengan menggunakan perisian komputer SPSS yang melibatkan penggunaan statistik deskriptif dan inferens. Statistik deskriptif digunakan untuk mempersembahkan hasil kajian dalam bentuk peratus dan min. Manakala statistik inferens digunakan untuk menjelaskan hubungan antara variabel kajian melalui penggunaan prosedur regresi pelbagai.

## Hasil kajian dan perbincangan

Bahagian ini mempamerkan hasil kajian berkenaan dengan modal budaya responden kajian. Hasil kajian disusun bermula dengan penggunaan masa lapang, nilai pada kerja nelayan, budaya kerja dan kesungguhan; dan kebergantungan pada aktiviti nelayan.

### *Penggunaan masa lapang*

Jadual 1 menunjukkan cara responden menggunakan masa lapang mereka. Aktiviti yang paling kerap dilakukan oleh responden ialah membaiki peralatan nelayan (3.3), diikuti oleh berhibur dengan rakan-rakan (3.2), menonton televisyen (3.1) dan keluar dengan ahli keluarga (3.0). Responden juga kerap berbual-bual dengan rakan-rakan di kedai makan (2.8). Sementara itu, responden jarang menambah kemahiran baru berkaitan nelayan (2.3), jarang membaca majalah untuk pertambahan ilmu (2.2), usaha menambah ilmu baru yang tidak berkaitan dengan kerja nelayan (2.1) dan membaca buku (2.0).

Hasil kajian menunjukkan tidak banyak elemen pembinaan kapasiti yang dilakukan oleh responden, sama ada ke atas kemahiran nelayan yang sedia ada atau usaha untuk mendapatkan kemahiran baru. Sebaliknya, mereka lebih menumpukan kepada penerusan kehidupan rutin mereka sebagai nelayan, seperti membaiki peralatan nelayan. Selain itu, mereka juga lebih menumpukan kepada aktiviti hidup yang santai dan ringkas, sama ada untuk tujuan kurangkan rasa penat bekerja ataupun lebih menumpukan untuk mengekalkan dan menguatkan lagi hubungan sosial antara mereka melalui interaksi sosial yang rutin.

Mereka tidak menumpukan kepada peningkatan pengetahuan atau kemahiran nelayan yang sedia ada, juga mereka tidak banyak berusaha untuk menambah pengetahuan atau kemahiran baru. Ini berlaku mungkin disebabkan oleh rasa tidak perlu kerana pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada sudah mencukupi atau memberi gambaran bahawa betapa mereka bergantung pada pengetahuan atau kemahiran yang sedia ada tanpa perlu ditambah nilai atau disuntik pengetahuan baharu.

**Jadual 1. Penggunaan masa lapang (N= 100)**

Penyataan	Min*
Membaiki peralatan nelayan	3.3
Berhibur dengan rakan-rakan	3.2
Menonton televisyen	3.1
Keluar dengan keluarga	3.0
Berbual-bual di kedai makan	2.8
Menambah kemahiran tentang nelayan yang baru	2.3
Membaca majalah ilmiah	2.2
Menambah kemahiran baru bukan berkaitan nelayan	2.1
Membaca buku	2.0

\*Nota: Purata Skor berasaskan skala 1: Tidak pernah, 2: Jarang, 3: Kerap, 4: Selalu

*Nilai pada kerja nelayan*

Jadual 2 menunjukkan nilai yang dipegang oleh responden pada kerja nelayan. Nilai dalam kajian ini dibahagikan kepada empat (4) jenis, iaitu nilai hedonisme, autoritarian, pragmatik dan fitrah. Berkenaan dengan nilai hedonisme, nilai ini mempertimbangkan elemen keselesaan, keseronokan dan ‘hiburan’ dalam membuat pertimbangan. Hasil kajian menunjukkan nelayan mempertimbangkan penglibatan sebagai nelayan adalah menyeronokkan dan membolehkan mereka untuk meluang masa dengan nelayan lain dengan purata skor masing-masing 3.4. Nilai tersebut diikuti dengan mempertimbangkan kerja nelayan sebagai hiburan (3.3). Bagi nilai autoritarian, nilai ini melibatkan pertimbangan ‘kuasa’ untuk bertindak dan membuat keputusan sendiri dengan bebas. Hasil kajian menunjukkan pertimbangan yang paling banyak dipegang oleh responden ialah bebas menggunakan masa (3.4) dan pemilikan kuasa untuk membuat keputusan sendiri dan tidak terikat dengan individu lain, dengan purata skor masing-masing 3.2.

Berkenaan dengan nilai pragmatik, ia merujuk kepada betapa pekerjaan sebagai nelayan mempunyai nilai praktikal kepada responden. Responden mempertimbangkan bahawa kerja nelayan mampu membantu mereka memperoleh pendapatan (3.3) dan boleh mengamalkan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki (3.2). Selain itu, responden mempertimbangkan memperoleh pengetahuan dan kemahiran baru melalui kerja nelayan (2.9) dan membantu mereka keluar dari masalah kemiskinan (2.8).

Kajian turut mengkaji nilai fitrah, yang mana merujuk kepada pertimbangan yang mempercayai elemen keagamaan dan metafizik. Sungguhpun demikian, ia tidak memberi gambaran kepada pengamalan, sebaliknya ukuran kepada kepercayaan sahaja. Hasil kajian menunjukkan hampir kesemua item nilai spiritual sangat dipersetujui oleh responden. Antaranya ialah responden sangat bersetuju kerja nelayan menyebabkan mereka lebih merasakan untuk perlu bergantung pada Allah (3.5), kemuliaan kerja nelayan kerana membekalkan makanan kepada manusia (3.4), mempunyai pertimbangan ibadah (3.4) dan menguatkan pegangan tentang takdir (3.3).

**Jadual 2. Nilai pada kerja nelayan (N= 100)**


Penyataan	Min
<i>Nilai hedonisme</i>	
Kerja nelayan adalah kerja yang menyeronokkan	3.4
Kerja nelayan dapat berbual-bual dengan nelayan lain	3.4
Kerja nelayan adalah hiburan	3.3
<i>Nilai autoritarian</i>	
Kerja nelayan mempunyai masa yang fleksibel	3.4
Kerja nelayan membolehkan membuat keputusan sendiri dibuat	3.2
Kerja nelayan tidak terikat dengan orang lain	3.2
<i>Nilai pragmatik</i>	
Kerja nelayan banyak membantu meningkatkan pendapatan	3.3
Kerja nelayan membolehkan mempraktikkan ilmu yang dipelajari	3.2

Penyataan	Min
Pelajari perkara baru dalam kerja nelayan	2.9
Kerja nelayan dapat membantu mengatasi kemiskinan	2.8
<i>Nilai fitrah</i>	
Kerja nelayan menyebabkan perlu bergantung pada Allah	3.5
Kerja nelayan adalah mulia kerana membekalkan makanan	3.4
Kerja nelayan adalah ibadah	3.4
Kerja nelayan perlu akur pada takdir	3.3

\*Nota: Purata Skor berasaskan skala 1: Sangat tidak setuju, 2: Tidak setuju, 3: Setuju, 4: Sangat setuju

Rajah 1 menunjukkan perbandingan min antara keempat-empat jenis nilai terhadap kerja nelayan. Purata skor yang paling tinggi oleh responden ialah nilai hedonisme dan nilai fitrah (3.4), kemudian diikuti oleh nilai autoritarian (3.3) dan nilai pragmatik (3.1). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa responden mempunyai nilai yang tinggi pada kesemua jenis nilai yang perhatikan. Cuma, dalam tafsiran nilai sebagai asas pertimbangan dan membuat pilihan, responden mempunyai kecenderungan yang lebih kepada nilai hedonisme dan fitrah yang mana mereka menilai dari sudut rasional yang positif untuk terus bekerja sebagai nelayan. Ini kerana, pekerjaan nelayan merupakan satu pekerjaan yang berat, sukar dan berisiko termasuklah dari aspek psikologi, sosial dan ekonomi. Realiti ini pernah disedari oleh Mohammad Raduan Mohd. Ariff dan Amaluddin Bakeri (2002), bahawa nelayan terus bekerja sebagai nelayan meskipun berhadapan dengan pelbagai bentuk kesukaran.

Dari sudut yang lain pula, hasil kajian menunjukkan responden turut mempertimbangkan elemen nilai boleh guna atau praktikal pekerjaan sebagai nelayan. Malah mereka juga mementingkan elemen 'bebas', iaitu tidak dikawal atau ditekan oleh pihak tertentu untuk melaksanakan kerja sebagai nelayan. Pembentukan sesebuah nilai secara khususnya pernah dibincangkan oleh Ledgerwood, Liviatan dan Carnevale (2007) yang mendapati salah satu faktornya ialah desakan oleh persekitaran mereka. Khususnya berkaitan dengan kebebasan membuat keputusan, May (2012) mendapati campur tangan kerajaan secara langsung melalui polisi ke atas nelayan telah memberi kesan ke atas hidup nelayan. Ini termasuklah meminggirkan nelayan melalui memberi keutamaan kepada kapal-kapal besar untuk penangkapan ikan. Campur tangan kerajaan juga telah mengubah cara hidup dan identiti nelayan yang mana mengancam kelangsungan nelayan (Olson, 2011). Pengalaman seperti itu antara sebab nilai autoritarian yang inginkan kebebasan dalam kerja nelayan menjadi perkara yang dominan dalam kalangan responden.




\*Nota: Purata Skor berasaskan skala 1: Sangat tidak setuju, 2: Tidak setuju, 3: Setuju, 4: Sangat setuju

Rajah 1. Perbandingan nilai pada kerja nelayan

### *Budaya kerja nelayan*

Rajah 2 menunjukkan hasil kajian berkenaan budaya kerja nelayan. Responden berusaha untuk mendapatkan sumber laut meskipun kuantitinya sudah mencukupi (3.2), diikuti oleh kesungguhan bekerja meskipun pada air bening dan memperoleh lebih banyak hasil dengan menggunakan cara mereka sendiri yang mana masing-masing purata skor 3.0. Hasil kajian turut menunjukkan responden tetap bekerja meskipun keadaan laut yang surut atau pasang (2.9). Sementara itu, hasil kajian menunjukkan responden tidak mempunyai banyak masa luang untuk bersahaja (2.4). Berkenaan dengan musim tengkujuh, responden terkesan dengan ketibaan musim tengkujuh yang mana mereka jarang bekerja semasa musim tersebut (2.2). Kesungguhan bekerja turut dapat diperhatikan melalui mereka jarang (2.0) menanggukkan kerja berkaitan nelayan, malahan jarang (1.9) kerja berkaitan nelayan yang tidak siap.

Hasil kajian ini menunjukkan budaya kerja nelayan adalah positif, sama ada dari sudut kesungguhan atau komitmen dalam melaksanakan kerja. Kesungguhan dalam kerja dapat diperhatikan melalui usaha mereka meneruskan kerja nelayan meskipun dalam keadaan yang sukar. Begitu juga dengan komitmen, mereka jarang menyebabkan kerja mereka tertangguh, malah dipastikan sedia untuk digunakan bagi kerja nelayan.



Nota: Purata Skor berasaskan skala 1: Tidak pernah, 2: Jarang, 3: Kerap, 4: Selalu

**Rajah 2.** Budaya kerja nelayan (N= 100)

### *Faktor kebergantungan pada aktiviti nelayan*

Jadual 3 menunjukkan data tentang faktor kebergantungan responden pada aktiviti nelayan. Faktor kebergantungan yang paling tinggi ialah aktiviti nelayan menjadi punca pendapatan utama (3.5) responden. Diikuti sebagai sumber utama untuk perbelanjaan harian, mempererat hubungan antara rakan dan identiti yang sukar dipisahkan, dengan purata skor masing-masing 3.4. Faktor kebergantungan juga berlaku dalam bentuk pegangan bahawa nelayan adalah sebagai pekerja warisan (3.3). Manakala faktor pergantungan pada kerja nelayan sehingga sanggup meninggalkan kerja lain (2.7) dan tidak tahu untuk membuat kerja lain (2.5).

Faktor kebergantungan responden pada kerja sebagai nelayan boleh dikategorikan dari pelbagai sudut, sama ada dari sudut pendapatan, sosial, identiti, penghargaan dan modal insan. Realiti ini memberi gambaran bahawa kebergantungan responden pada kerja nelayan bersifat holistik. Pergantungan tersebut hampir merangkumi semua aspek sehingga dapat ditafsirkan sebagai kerja nelayan sukar untuk

dipisahkan. Namun demikian, hasil kajian ini tidak menunjukkan mereka bergantung pada kerja nelayan sepenuhnya sehingga mereka tidak memiliki pengetahuan lain selain ilmu kenelayanan. Cuma, pengetahuan lain bukan menjadi pergantungan utama pada mereka untuk kelangsungan hidup mereka.

**Jadual 3. Kebergantungan pada aktiviti nelayan (N= 100)**

Kebergantungan	Min*
Pendapatan utama	3.5
Perbelanjaan harian utama	3.4
Hubungan dengan rakan semakin rapat melalui kerja nelayan	3.4
Kerja nelayan tidak dapat dipisahkan	3.4
Nelayan adalah kerja warisan	3.3
Sanggup meninggalkan pekerjaan lain untuk menjadi nelayan	2.7
Tidak tahu untuk buat kerja lain selain nelayan	2.5

\*Nota: Purata skor berasaskan skala 1: Sangat tidak setuju, 2: Tidak setuju, 3: Setuju, 4: Sangat setuju

*Hubungan antara nilai-nilai dan budaya kerja nelayan*

Hasil kajian dalam Jadual 3 menunjukkan perhubungan antara nilai-nilai nelayan dan budaya kerja nelayan melalui prosedur regresi pelbagai. Hasil kajian yang diperoleh ialah [F (1,98)= 126.5, P <.05] yang mana nilai pekali korelasi (r) bersamaan dengan .316. Ini menunjukkan wujudnya hubungan antara nilai autoritarian dan budaya kerja nelayan. Antara empat nilai yang dikaji dalam kajian ini, hanya nilai autoritarian mempengaruhi budaya kerja nelayan dengan 10.0 peratus varians, iaitu budaya kerja nelayan disumbangkan oleh nilai autoritarian. Ini bermakna, budaya kerja nelayan adalah disumbangkan kepada keinginan responden untuk bebas membuat keputusan dalam kerja mereka.

**Jadual 3. Hubungan antara nilai-nilai dan budaya kerja nelayan**

Model	SS	df	MS	F	Sig.	r	r <sup>2</sup>
Regresi	126.500	1	126.500	10.871	.001 <sup>b</sup>	.316 <sup>a</sup>	.100
Residual	1140.340	98	11.636				
Jumlah	1266.840	99					

a. Variabel bersandar: Budaya Kerja

b. Peramal: Nilai Autoritarian

*Hubungan antara nilai-nilai dan faktor kebergantungan kerja nelayan*

Hasil kajian yang ditunjukkan pada Jadual 4 menunjukkan perhubungan antara nilai-nilai yang dipegang oleh nelayan dan faktor kebergantungan pada aktiviti nelayan melalui prosedur regresi pelbagai. Hasil kajian yang diperoleh ialah [F (1,98)= 17.658, P <.05] yang mana nilai pekali korelasi (r) bersamaan dengan .391. Justeru, hasil kajian menunjukkan wujud hubungan antara nilai pragmatik dan faktor kebergantungan pada kerja nelayan. Antara empat nilai hidup yang dikaji dalam kajian ini, hanya nilai pragmatik yang menjadi pengaruh kepada kebergantungan responden pada kerja nelayan dengan 15.3 peratus varians yang berkaitan dengan kebergantungan pada kerja nelayan disumbangkan oleh nilai pragmatik.

Nilai pragmatik menunjukkan betapa elemen praktikal menjadi perkara yang penting. Sekiranya elemen praktikal tidak wujud, maka kebergantungan pada kerja nelayan boleh menurun. Realiti ini bukanlah sesuatu asing, kerana menurut Higgins (2005), pemilihan untuk mengekalkan sesuatu nilai adalah bergantung pada nilai kebergunaan dan praktikal untuk memenuhi keperluan tertentu.



**Jadual 4. Hubungan antara nilai-nilai dan faktor kebergantungan kerja nelayan**

Model	SS	df	MS	F	Sig.	r	r <sup>2</sup>
Regresi	229.027	1	229.027	17.658	.000 <sup>b</sup>	.391 <sup>a</sup>	.153
Residual	1271.083	98	12.970				
Jumlah	1500.110	99					

a. Variabel bersandar: Faktor kebergantungan pada kerja nelayan

b. Peramal: Nilai Pragmatik

## Kesimpulan, implikasi dan cadangan

Hasil kajian berkenaan penggunaan masa lapang responden menunjukkan tidak banyak elemen pembinaan kapasiti yang dilakukan oleh responden, sama ada ke atas kemahiran nelayan yang sedia ada atau usaha untuk mendapatkan kemahiran baru. Keadaan tersebut tidak banyak boleh membantu nelayan untuk berhadapan dengan pelbagai perubahan yang mana mengehendaki nelayan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang lebih baik dan terkini. Namun demikian, dari aspek positifnya, responden tetap menunjukkan adanya usaha untuk menambah pengetahuan atau kemahiran berbeza meskipun tidak memberangsangkan. Justeru, makalah mencadangkan agar digalakkan nelayan untuk mengisi masa mereka dengan perkara yang lebih berimpak, yang mana boleh dilaksanakan secara santai ataupun mengikuti kursus formal pada masa yang sesuai dengan masa nelayan.

Responden kajian juga mempunyai empat nilai kehidupan yang berbeza-beza, namun nilai hedonisme dan fitrah lebih banyak dimiliki responden. Namun tidaklah bermakna nilai lain, iaitu nilai pragmatik dan autoritarian lemah dimiliki oleh responden. Nilai pragmatik juga menonjol yang mana penerusan kerja nelayan adalah kerana ia memiliki nilai praktikal. Begitu juga dengan nilai autoritarian, yang mana responden rasa lebih selesa untuk membuat keputusan sendiri tanpa campur tangan orang lain dalam pekerjaan mereka. Realiti ini menunjukkan nelayan mempunyai nilai yang tersendiri untuk penerusan kerja nelayan. Rokeach (1973) pernah membincangkan pembentukan dan pemilikan nilai khusus dalam kalangan komuniti. Menurut beliau, nilai tertentu menjadi penting dan dipilih apabila melibatkan kepentingan yang diutamakan dalam hidup termasuklah apabila menerima tekanan untuk kelangsungan hidup.

Kesusahan kerja di laut ‘dipujuk’ dengan cara mencari elemen yang menenangkan, iaitu melalui hiburan sesama mereka dan mengharapkan pemerolehan balasan dari aspek metafizik. Mereka mencari rasional untuk meneruskan kerja nelayan tanpa perlu kos. Namun, mereka tetap meletakkan syarat dari aspek bebas melaksanakan kerja dan adanya elemen praktikal untuk kelangsungan hidup mereka. Mengambil kira pemilikan nilai tersebut, adalah wajar usaha membantu mereka diberikan penekanan kepada apa yang mereka percaya, iaitu inginkan ketenangan, adanya elemen praktikal dan bebas membuat keputusan. Uniknya hasil kajian ini, dalam disiplin pembangunan komuniti secara umumnya mempercayai elemen praktikal dan bebas membuat keputusan dikelompokkan dalam konsep ‘pendayaupayaan’ (*empowerment*). Namun, tidak menghuraikan lanjut berkaitan konsep ‘tenang’ dalam usaha pembangunan komuniti.

Budaya kerja nelayan juga adalah baik, dari aspek kesungguhan atau komitmen dalam melaksanakan kerja. Mereka tetap meneruskan kerja nelayan walaupun menghadapi pelbagai kesukaran dan komited menyelesaikan kerja mereka tanpa ada yang tertanggung. Ini adalah kerana mereka benar-benar bergantung pada kerja nelayan dan menjadi alat kelangsungan hidup mereka. Ini dibuktikan dengan hasil kajian yang menunjukkan faktor kebergantungan mereka pada kerja nelayan adalah dalam bentuk pendapatan, sosial, identiti, penghargaan dan modal insan yang bersifat holistik. Sekiranya berlakunya masalah pada kerja atau aktiviti nelayan, ia secara langsung akan memberi kesan kepada hidup mereka. Justeru, elemen pembinaan kapasiti (*capacity building*) ke atas pengetahuan dan kemahiran sedia ada, perlu direncanakan dan dilaksanakan sebaik yang mungkin. Pembinaan kapasiti adalah penting sebagaimana didedahkan oleh Amir Zal (2016) yang mendapati pembinaan kapasiti ke atas modal komuniti yang sedia membolehkan

komuniti lebih mudah untuk mencapai pendayaupayaan dan mengelakkan dari masalah dalam komuniti berlaku.

Hasil kajian berkaitan dengan hubungan antara nilai dan budaya kerja mendapati, nilai autoritarian yang menjadi pendorong utama, iaitu bermakna mereka mahu bebas menentukan kerja mereka tanpa campur tangan orang lain. Manakala hubungan antara nilai dan kebergantungan pada kerja nelayan mendapati nilai pragmatik yang menjadi faktornya. Maknanya, elemen praktikal adalah penting untuk nelayan meneruskan kerja sebagai nelayan. Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup nelayan, adalah penting untuk memerhatikan dan mengambil berat elemen nilai. Sebagaimana ditegaskan oleh Schwartz (2006), nilai adalah penting kerana ia memandu tindakan manusia sehingga membentuk standard atau kriteria yang khusus.

Kajian membuktikan elemen nilai adalah penting dalam mendorong responden membentuk tingkah laku yang khusus. Ini membuktikan, nilai yang merupakan salah satu entiti dalam modal budaya adalah penting dalam sesebuah komuniti. Sudah pasti, sebagai salah bentuk 'modal' dalam komuniti, ia boleh dimanfaatkan untuk tujuan pembangunan komuniti.

## Rujukan

- Amir Zal WA (2016) Fragility and capacity building of social capital of Malaysian fishermen. *Ocean & Coastal Management* **119**, 177-183.
- Amir Zal WA, Hood Salleh, Mustaffa Omar, Sharina Halim (2014) The Vulnerability of Community Capitals as a Threat to Orang Kuala Community Development in Malaysia. *Sage Open* **4**(2), 1-9.
- Andersen IG, Jæger MM (2015) Cultural capital in context: Heterogeneous returns to cultural capital across schooling environments. *Social Science Research* **50**, 177-188.
- Bourdieu P (1986) The Forms of Capital. In: Richardson J (ed) *Handbook of Theory and Research for the Sociology Education*, 241-258. Greenwood, New York.
- Busilacchia S, Russb GR, Williamsa AJ, Begga GA, Suttona SG (2013) Quantifying changes in the subsistence reef fishery of indigenous communities in Torres Strait, Australia. *Fisheries Research* **137**, 50-58.
- Hayrol Azril Mohamed Shaffril, Bahaman Abu Samah, Jeffrey Lawrence D'Silva, Jegak Uli (2011) Has The Sea Changed? Qualitative Analyses on the Views of Fishermen in the east coast zone of Peninsular. *American Journal of Environmental Sciences* **7**(5), 448-455.
- Hayrol Azril Mohamed Shaffril, Bahaman Abu Samah, Jeffrey Lawrence D'Silva, Sulaiman Md. Yassin (2013) International Journal of Climate Change Strategies and Management Emerald Article: The process of social adaptation towards climate change among Malaysian fishermen. *International Journal of Climate Change Strategies and Management* **5**(1), 38-53.
- Higgins ET (2005) Value from Regulatory Fit. *American Psychological Society* **14** (4), 209-213.
- Johnson LC (2009) *Cultural Capitals: Revaluing The Arts, Remaking Urban Spaces*. Ashgate Publishing Limited A shgate Publishing Company, England.
- Ledgerwood A, Liviatan I, Carnevale PJ (2007) Group-Identity Completion and the Symbolic Value of Property. *Association for Psychological Science* **18** (10), 873-878.
- May CK (2012) Active non-participation among local natural resource-dependent communities: The case of North Carolina fisheries governance. *Journal of Environmental Management* **113**, 407-416.
- Mazur NA, Curtis AL (2008) Understanding community perceptions of aquaculture: Lessons from Australia. *Aquacult Int* **16**, 601-621.
- Mohammad Raduan Mohd. Ariff, Amaluddin Bakeri (2002) Masyarakat Nelayan di Negeri Pahang: Satu Kajian Sosioekonomi. *Jati* **7**, 175-195.
- Møllegaard S, Jæger MM (2015) The effect of grandparents' economic, cultural and social capital on grandchildren's educational success. *Research in Social Stratification and Mobility* **42**, 11-19.
- Olson J (2011) Understanding and contextualizing social impacts from the privatization of fisheries: An overview. *Ocean & Coastal Management* **54**, 353-363.

- Petersen C (2007) Educating and training out of poverty? Adult provision and the informal sector in fishing communities, South Africa. *International Journal of Educational Development* 27, 446-457.
- Rogers EM (1969) *Modernization among Peasants*. Holt, Rinehart & Winston, INC, USA.
- Rokeach M (1973) *The Nature of Human Values*. The Free Press, New York.
- Schwartz SH (2006) Basic Human Values: An Overview. Basic Human Values: Theory, Methods, and Applications. [Cited 8 November 2013]. Available from: <http://www.fmag.unict.it/>.
- Syed Hussein Alatas (2009) *Mitos Peribumi Malas*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Wan Hashim Wan Teh, Ismail Hamid (1998) *Nilai Budaya Masyarakat Desa; Kajian Etnografi di Wang Kelian, Perlis*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.